

REAKSI MASYARAKAT TERHADAP KEPUTUSAN FATWA BERDASARKAN MODEL PENILAIAN KIRKPATRICK

Kamarudin Ahmad
Solahuddin Abdul Hamid
Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan
Azman Md Zain
Mohd Nizho Abdul Rahman
Zulhilmi Paidi¹

¹ Penulis adalah terdiri dari tenaga pengajar Pusat Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Accepted Date: 30 October 2017

Published Date: 15 January 2018

To cite this document:

Ahmad, K., Hamid, S. A., Dahaman@Dahlan, M. A., Zain, A., Rahman, M. N., & Paidi, Z. (2017). Reaksi Masyarakat Terhadap Keputusan Fatwa Berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 363 - 371.

Abstrak: Fatwa bermula dari masyarakat dan mereka terlibat secara langsung dalam menerima serta mengamalkannya. Ertinya, fatwa adalah suatu jawapan hukum sebagai respon kepada persoalan yang timbul. Oleh itu, masyarakat harus menerima dan memahami setiap keputusan fatwa yang disampaikan. Kertas kerja ini akan melihat reaksi masyarakat terhadap sesuatu fatwa samada ia dapat memberi kesan kepada mereka. Reaksi adalah tahap pertama dalam model penilaian Kirkpatrick yang terdiri dari empat tahap kesemuanya. Tahap ini akan mengukur keberkesanan sesuatu fatwa yang dikeluarkan. Penilaian tahap ini penting kerana reaksi masyarakat terhadap program fatwa akan menentukan keberkesanan tahap seterusnya. Sunguhpun sesuatu fatwa itu berautoriti atau sah dari aspek teori perundangan Islam dan diyakini oleh masyarakat akan kesahihan dan ketepatannya mengikut hukum Islam, namun terdapat segelintir masyarakat mempersoalkan keberkesanannya dan mempertikai keputusan fatwa yang dikeluarkan.

Kata Kunci: Fatwa, Reaksi, Hukum.

PUBLIC REACTIONS TO FATWA DECISIONS BASED ON THE KIRKPATRICK ASSESSMENT MODEL

Kamarudin Ahmad
Solahuddin Abdul Hamid
Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan
Azman Md Zain
Mohd Nizho Abdul Rahman
Zulhilmi Paidi ¹

Abstract: *Fatwa commence from the society and they are directly involved in accepting and practicing it. It means, the fatwa is a legal answer in response to the issues arising. Therefore, the community must accept and understand every fatwa. This paper will look at the public's reaction to a fatwa if it can affect them. Reaction is the first stage in Kirkpatrick's assessment model consisting of four levels. This level will measure the effectiveness of a fatwa issued. This level of assessment is important because the public's reaction to the fatwa program will determine the effectiveness of the next level. Even if a fatwa is authoritative or legitimate from the aspect of Islamic legal theory and is believed by the public to be legitimized and correct in accordance with Islamic law, but still there are some dispute over the effectiveness and the decision of the fatwa issued.*

Keywords: *Fatwa, Reaction, Islamic law.*

Pengenalan

Selari dengan perkembangan masa dan teknologi canggih yang merentas alam maya, fatwa turut mengalami perkembangan secara maya dimana fatwa boleh dicapai oleh semua masyarakat dalam apa jua keadaan. Fatwa umumnya adalah jawapan hukum sebagai respon kepada persoalan yang diajukan dan berlaku dalam masyarakat. Ertinya ia adalah berasaskan realiti sebenar. Fatwa turut memainkan peranan yang cukup besar dalam memahami umat Islam tentang persoalan hukum syarak serta menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam sesebuah masyarakat.

Persoalannya, adakah berkesan sesuatu fatwa ke atas masyarakat. Atau bagaimana penerimaan masyarakat terhadap setiap fatwa yang dikeluarkan? Adakah mereka yakin dan mengamalkan setiap fatwa atau mereka mencari alternatif lain? Apatah lagi fatwa yang hanya dibaca berdasarkan pemahaman sendiri tanpa dibantu pentafsirannya. Fatwa yang baik belum tentu dapat diterima dan diamalkan dalam masyarakat jika mereka menolak, tidak yakin atau mempunyai fatwa lain yang lebih meyakinkan mereka. Umpamanya, mereka merujuk kepada pandangan ulama luar negara. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penerimaan masyarakat terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan berasaskan model penilaian Kirkpatrick.

Setiap keputusan fatwa disebarakan kepada masyarakat melalui pelbagai media samada bercetak mahupun alam maya. Persoalannya, adakah ia dapat memberi kesan kepada masyarakat kerana terdapat masyarakat mempersoalkan sesetengah keputusan fatwa. Setiap keputusan fatwa belum tentu dapat diterima dan diamalkan dalam masyarakat jika mereka menolak, tidak yakin atau mempunyai fatwa lain yang lebih meyakinkan mereka. Malahan, terdapat juga masyarakat awam mempertikai keputusan fatwa yang dikeluarkan. Contohnya fatwa mengenai ESQ yang diharamkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh pada 10 Jan 2010 telah dicabar di mahkamah (Zainul Rijal, <http://zainulrijal.abubakar.my>) dan aktiviti ESQ tetap diteruskan malahan Pengurus Besar ESQ, Mahani Yusuf mempertikaikan pengharaman tersebut dengan menyatakan fatwa itu dikeluarkan secara umum tanpa memperincikan setiap dakwaan (Berita Harian, 9 Julai 2010).

Sepatutnya fatwa harus diterima dengan baik oleh semua pihak kerana ia dihasilkan melalui penyelidikan dan perbincangan oleh para ulama. Kesimpulannya, fatwa sepatutnya memberi kesan dalam menghuraikan permasalahan yang timbul supaya umat Islam berada di landasan yang betul. Namun, terdapat masyarakat menolak malahan mempertikaikan fatwa yang dikeluarkan. Oleh itu, daripada beberapa persoalan tersebut, maka kajian ini cuba mencari jawapan melalui analisis yang dilakukan.

Berdasarkan kepada pelbagai permasalahan yang terdapat dalam penerimaan fatwa sepertimana yang telah dikemukakan sebelum ini, penulisan ini akan berkisar kepada persoalan utama iaitu, Apakah bentuk penerimaan masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan. Manakala objektif kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan dan penerimaan masyarakat terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan.

Model Penilaian Kirkpatrick

Secara ringkas kajian yang akan dibuat adalah berasaskan keperluan untuk mengetahui bagaimana penerimaan masyarakat terhadap sesuatu permasalahan hukum yang ditanya kepada pihak bertanggungjawab. Kajian berbentuk eksplorasi adalah untuk mengenalpasti penerimaan masyarakat terhadap inventori fatwa yang telah dikeluarkan oleh jabatan mufti negeri dengan mengadaptasi model “Kirkpatrick Model of Evalution” yang telah dibangunkan oleh Donald L. Kirkpatrick (1959) dengan menggunakan empat peringkat pengkategorian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkahlaku dan hasil. Penulisan ini hanya mengukur reaksi masyarakat terhadap keputusan fatwa yang dicapai melalui sebaran media sahaja. Tahap reaksi adalah penting untuk mendapatkan bukan sahaja reaksi tetapi untuk mendapatkan reaksi yang positif dan reaksi pembaca terhadap fatwa akan menentukan keberkesanan tahap seterusnya iaitu pembelajaran, tingkahlaku dan hasil. Ia menjadi pemangkin kepada kepada proses yang akan diukur seterusnya. Secara ringkasnya kertas ini belum melihat penerimaan masyarakat sepenuhnya melalui soal selidik yang masih dalam peringkat penjaan.

Skop Kajian

Kajian atau penulisan ini mengenal pasti reaksi masyarakat terhadap penulisan fatwa yang boleh dilayari melalui internet. Disamping itu skop juga memberi tumpuan kepada menganalisis reaksi dan juga komen masyarakat terhadap setiap keputusan fatwa yang terpilih. Metod kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah analysis kandungan yang melibat pelayar-pelayar internet. Output kajian adalah untuk melihat reaksi masyarakat terhadap setiap penulisan keputusan fatwa, seterusnya membantu jabatan mufti dalam

menghasilkan satu bentuk penulisan fatwa yang boleh difahami dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat.

Kajian ini hanya menumpukan reaksi masyarakat berpandukan model penilaian Kirkpatrick tanpa menghamburkan kepada aspek-aspek yang lain. Tujuannya adalah untuk melihat satu bentuk penulisan fatwa yang mantap merangkumi bentuk penulisan dan keputusan fatwa yang dapat digunakan oleh pihak berkuasa fatwa terutama dalam urusan penyampaian kepada masyarakat awam. Ini kerana segala ketidakpuasan atau komen terhadap sesuatu keputusan fatwa menyebabkan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat tidak mampu diselesaikan oleh pihak berkuasa fatwa. Oleh itu dapatan kajian ini secara ringkasnya dapat membentuk satu kaedah penulisan fatwa yang baik dan mampu difahami dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat.

Kajian lepas

Terdapat banyak kajian tentang fatwa dan ia boleh dikategorikan kepada: pertama, kajian umum tentang fatwa; kedua, pengkaedahan fatwa; dan ketiga, penulisan dan persembahan fatwa. Pertama, kajian umum tentang fatwa banyak dilakukan oleh sarjana Islam dalam dan luar negara. Antaranya karya Osman Ishak (1981) dan sebuah buku oleh Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid (1998). Selain itu, terdapat juga Ahmad Hidayat Buang (2004). Tumpuan utama buku ini adalah berkaitan realiti pentadbiran, pengurusan, aspek-aspek sosial dan hukum yang menyentuh fatwa di Malaysia. Manakala Mahmud Saedon (1996) pula menyarankan agar fatwa yang dikeluarkan hendaklah berdasarkan hujah dan dalil syarak. Dalam konteks luar negara, terdapat perbincangan oleh sarjana Islam seperti Imam al-Nawawi (1987), Imam al-Qarafi (1976) dan Ibn Qayyim (1996). Selain itu, Jamal al-Din al-Qasimi (1986) dan al-Zibari (1995). Perbincangan mereka ini menyentuh hukum hakam fatwa secara umum dalam Islam. Mohamed tulisan Azam Mohamed Adil, (2014) dan Muhammad Ikhlās Resele, Luqman Abdullah, Faizah Ismail & Mohd Anuar Ramli (2013) dan Arik Sanusi Yeop Johari (2010) pula menyentuh isu-isu dan permasalahan kedudukan fatwa di Malaysia.

Kedua, kajian tentang pengkaedahan fatwa telah ditulis oleh Nor Naemah Abd Rahman (2003), Wan Abd Rahman Khudzri (2006) dan Mat Jahya Hussin (1999). Selain itu, terdapat juga kajian mengenai fatwa khusus kepada negeri oleh Mat Jahya Hussin (1999) dan Mohd Akram Dahaman (2005) yang khusus kepada negeri Perlis sahaja. Begitu juga, Sidi Ahmad Abdullah (1986) turut mengupas isu fatwa dari sudut perundangan *fiqh* dan amalannya di Malaysia. Terdapat juga kajian oleh Alias Azhar (2001) yang dilakukan khusus di negeri Kedah. Sementara kajian Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamari Alias, Nazri Muslim, Luqman Abdullah & Sidek Abdullah, (2014) pula mengupas cabaran fatwa di Terengganu. Manakala Mehmood Ifzal, (2015), pula melihat perbezaan pengurusan fatwa antara Malaysia dan Pakistan.

Ketiga, dari sudut penulisan dan persembahan fatwa dimana terdapat karya seperti Yusuf Qardhawi (1990) dan al-Haithami (1989). Al-Qardhawi umpamanya, mengariskan kaedah-kaedah yang perlu dipraktikkan dalam setiap penulisan fatwa. Selain itu, terdapat juga artikel-artikel tentang metod penulisan fatwa seperti Daud Bakar (1997). Beliau menyatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan hendaklah dinyatakan alasan dan penghujahan yang sempurna seperti mana yang dilakukan oleh pihak hakim di mahkamah supaya fatwa itu dapat diterima dengan penuh keyakinan. Selain itu, Zalikha Md Nor (2002), pula membincangkan persoalan teknikal bagaimana fatwa dikeluarkan mengikut *fiqh* Islam seperti kaedah menjawab soalan fatwa dan cara menulis jawapan fatwa. Terdapat juga kajian menjurus kepada penerimaan fatwa dalam

kalangan pelajar IPTA di Selangor oleh Ahmad Hidayat (2016). Kajian mendapati mereka menerima baik fatwa yang diputuskan. Faktor penerimaan ini diandaikan turut dipengaruhi oleh teknologi terkini yang digunakan sebagai sebaran fatwa serta penjelasan terhadap fatwa yang diberikan. Selain itu, kajian oleh Mohd Aliff Mohd Nawi & Mohd Isa Hamzah, (2014) menyentuh khusus mengenai mobile fatwa.

Metodologi

Kajian ini meninjau penulisan fatwa secara umum dan kajian ini berbentuk kualitatif. Data-data dikumpul melalui kajian lapangan dan analisis kandungan. Kajian lapangan ini melibatkan pihak-pihak yang terlibat dengan fatwa. Sample kajian diambil berdasarkan komentar dari pelayar-pelayar internet yang merupakan masyarakat yang menjadi penerima keputusan fatwa yang dikeluarkan. Analisis data pula mengikut data-data yang telah diambil dari internet berdasarkan komentar, reaksi dan ulasan yang terdapat. Dapatan daripada huraian tersebut akan menjadi asas dalam cadangan mengadaptasikannya dalam penilaian penyebaran fatwa kepada seluruh masyarakat supaya ia menjadi lebih menyeluruh dan efisien.

Analisis reaksi masyarakat terhadap fatwa

Reaksi masyarakat terhadap fatwa menunjukkan bahawa, secara umumnya mereka menyedari kewujudan fatwa. Reaksi mereka boleh dinilai berdasarkan umpamanya, komentar mereka terhadap setiap keputusan fatwa dinyatakan secara terang melalui media moden kini. Keberkesanan reaksi masyarakat diukur melalui beberapa indikator umpamanya komen negatif atau positif dalam menerima sesuatu keputusan fatwa. Analisa akan dilakukan berdasarkan reaksi mereka terhadap keputusan fatwa yang diberikan melalui media internet sahaja. Berikut beberapa contoh kedudukan fatwa yang dianalisa.

Bil	Tajuk
1	Isu Pokemon
2	Isu Fatwa Pulau Pinang
3	Kenyataan Mufti Pahang
4	Isu GST-kerajaan sentiasa rujuk fatwa sebelum melaksanakan sesuatu dasar
5	Isu SIS
6	Isu Ratu Cantik

Berikutnya pula dinyatakan beberapa isu dan komentar yang dimuat dalam media sosial dan boleh dilayari oleh segenap lapisan masyarakat Islam. Isu-isu dibawah akan dianalisa untuk melihat reaksi masyarakat terhadap keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh jabatan Mufti negeri di Malaysia.

1. Isu Pokemon

Pada 1 Ogos 2016 bersamaan 27 Syawal 1437H, mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan telah berbincang dan memutuskan bahawa permainan Pokemon Go dan Pokemon adalah tidak dibenarkan bagi umat Islam berdasarkan nas dan juga faktor masalah dan kemudaratan yang berlaku. Berbagai reaksi dizahirkan dan akhirnya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata umat Islam tidak wajar meremehkan pandangan atau fatwa dikeluarkan terutama di media sosial walaupun mereka tidak bersetuju dengannya. "Pandangan Mufti Wilayah Persekutuan bukan dibuat

secara semborono kerana ia melibatkan prinsip Islam dan penyelidikan secara holistik sebelum fatwa tersebut dikeluarkan,"

Asyraf Wajdi juga berkata sebagai umat Islam, mereka yang terlibat perlu mempunyai cara yang lebih terhormat dalam menyatakan pendapat. Bukan meremeh sesuatu perkara seperti yang terjadi dalam isu ini di media sosial. Tambahnya lagi "Hari ini ada kecenderungan muncul ustaz segera di Facebook, WhatsApp dan Instagram yang mengeluarkan pelbagai 'fatwa' baharu yang tidak berasas dan ia boleh mewujudkan keadaan kelam-kabut," katanya.

2. Isu fatwa di Pulau Pinang tentang kalimah Allah

Reaksi timbul apabila berlaku campurtangan sebuah kerajaan negeri terhadap isu kalimah Allah. Dalam hal ini, Pas memberi amaran kepada DAP supaya tidak mencampuri proses fatwa. "Kami mahu kerajaan Pulau Pinang yang dipimpin Ketua Menteri, Lim Guan Eng supaya tidak lagi campur tangan dalam urusan fatwa-fatwa negeri sebagaimana berlaku sebelum ini melibatkan fatwa penggunaan kalimah ALLAH dan lain-lain.

"Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri P.Pinang) 2004 jelas menuntut fatwa negeri Pulau Pinang terus dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam Pulau Pinang dan bukannya kepada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Guan Eng terlebih dahulu,". Hal ini timbul kerana Abdul Malik Kassim Exco Agama Islam meminta supaya perkara itu dibincangkan semula agar keputusan Jawatankuasa Fatwa selari dengan pendirian kerajaan negeri pimpinan DAP ketika itu yang tidak bersetuju dengan fatwa kalimah ALLAH.

3. Isu kenyataan Mufti Pahang

Timbul pelbagai reaksi hasil dari kenyataan mufti Pahang tentang 'kafir harbi', 'haram dan berdosa besar' dan DAP. Reaksi pertama diulas oleh, Penasihat Umum Parti Amanah Negara (Amanah), Ustaz Ahmad Awang, dakwaan itu hanyalah tuduhan bersifat peribadi bukannya fatwa. Beliau membidas kenyataan Mufti Pahang Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman, bahawa mana-mana umat Islam yang bekerjasama atau bersekongkol dengan DAP adalah haram serta berdosa besar. "Itu pendapat peribadinya (Abdul Rahman) bukan fatwa. Cakap politik sajalah. Jika dia nak cakap begitu, kenalah tanya kepada kami (Amanah) atau DAP sendiri.

Malah, Ahmad yang juga bekas Presiden Persatuan Ulama Malaysia (PUM) menjelaskan, maksud kafir harbi dan katanya, di Malaysia belum lagi dilaksanakan pemerintahan Islam yang sebenar. Oleh itu untuk melabelkan DAP itu sebagai kafir harbi dan orang yang bekerjasama atau bersekongkol dengan DAP adalah haram dan berdosa besar adalah tidak wajar sama sekali.

4. Isu GST

Melalui isu GST ini terdapat pemimpin Pas memberi reaksi dengan mengatakan jawatankuasa fatwa Kebangsaan tersilap mengeluarkan fatwa. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki membalas dengan menyatakan kerajaan sentiasa merujuk fatwa yang dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam sebelum melaksanakan sesuatu dasar. (mengenai GST) pada tahun 2014). Katanya lagi

jawatankuasa itu telah mengambil kira pelbagai aspek, dari sudut kebaikan dan keburukan sebelum mengeluarkan sesebuah fatwa.

Tambahnya lagi “Sesebuah fatwa akan dikeluarkan secara kolektif dan bukannya bersifat individu. Perbincangan mengenai GST ini mengambil kira pelbagai pandangan, termasuk daripada pakar kewangan,” katanya. Justeru itu, Asyraf meminta semua pihak menghormati fatwa yang sudah diputuskan oleh jawatankuasa tersebut berhubung pelaksanaan GST.

5. Isu SIS

Sisters in Islam (SIS) dalam reaksi balasnya mempertikaikan asas fatwa yang mengharamkan pertubuhan mereka oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor. Pengarah Eksekutif SIS, Ratna Othman berkata, sejak 2003, pertubuhan itu terbukti sudah membantu secara percuma hampir 10,000 wanita Muslim yang datang untuk mendapatkan khidmat perundangan. Dalam reaksi seterusnya beliau juga berkata "Bagaimana aktiviti yang mencerminkan belas kasihan dan kebaikan dalam Islam serta meningkatkan kesedaran wanita tentang keadilan boleh dianggap sesat dan menyeleweng?"

Reaksi ini timbul apabila pada Julai 2014, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengisytiharkan SIS dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman "liberalisme" dan "pluralisme" agama sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.

Malahan SIS kemudiannya membuat semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung perkara berkenaan. Dalam semakan kehakiman tersebut, SIS menamakan Jawatankuasa Fatwa Selangor, MAIS dan kerajaan Selangor sebagai responden dan mahu membatalkan pengisytiharan fatwa itu serta mahu diiktiraf sebagai badan yang dijamin mengikut Akta Syarikat 1965 dan tidak terikat dengan fatwa itu. Katanya lagi "Jawatankuasa Fatwa tidak memberi sebarang justifikasi kenapa fatwa itu dikeluarkan dan menerangkan apa yang dimaksudkan "liberalisme", "pluralisme" serta apakah yang dianggap sebagai bertentangan dengan "ajaran Islam dan Hukum Syarak". Tambahnya lagi "Fatwa haram kepada SIS juga melanggar hak asasi kebebasan bersuara, bersekutu dan agama seperti yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan”.

6. Isu ratu cantik

Isu ini melibatkan dua daripada empat gadis Muslim yang digugurkan daripada senarai akhir pertandingan ratu cantik Miss Malaysia World 2013 iaitu Wafa Johanna De Corte dan Sara Amelia Bernard. Menurut fatwa 1996, mana mana wanita beragama Islam adalah dilarang sama sekali untuk menyertai pertandingan ratu cantik. Dalam reaksi, mereka mempertikaikan keputusan tersebut, mereka menyifatkan keputusan itu adalah sebagai salah satu diskriminasi berlandaskan agama. Menurut Wafa, “Saya sangkakan akhirnya peserta Muslim akan dibenarkan menyertainya sekaligus mewakili Malaysia. Saya juga menyangkakan perkara ini adalah okay, sebab pertandingan akhir akan diadakan di Indonesia, negara yang kebanyakan penduduknya beragama Islam. “Saya tidak akan memakai pakaian renang ataupun bikini sebaliknya akan memakai pakaian sukan yang bersesuaian.” Katanya.

Selain Wafa, Sara turut menyatakan perasaan terkejut serta berasa terkilan di atas penguguran namanya sebagai finalis daripada 20 peserta akhir yang telah disenarai pendek. Reaksinya lagi

“Kalau mereka mahu melarang kami, kenapa mereka tidak larang wanita Muslim yang mewakili negara dalam sukan renang dan gimnastik?”

Kesimpulan

Ringkasnya, hasil daripada analisa awal kepada media online, terdapat pelbagai reaksi dikalangan pembaca. Terdapat fatwa yang dipertikaikan dan mutakhir ini terdapat juga banyak pihak berminat untuk memberi ulasan dan komen terhadap isu dan permasalahan agama. Reaksi mereka dizahirkan secara on-line. Reaksi yang dizahirkan berkemungkinan kerana beberapa sebab umpamanya kekurangan pengetahuan tentang sesuatu isu, kandungan fatwa yang tidak begitu lengkap, atau terdapat fatwa-fatwa lain yang mempengaruhi komentar mereka. Justeru, berlakulah kontradiksi pada jawapan bagi permasalahan dan isu agama di kalangan masyarakat. Kajian lanjutan akan dijalankan ke atas masyarakat awam yang terlibat dengan urusan hal ehwal agama untuk melihat bagaimana reaksi mereka dalam bidang berkaitan.

Rujukan

- Ahmad Hidayat Buang. (2004)). *Fatwa di Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam.
- Ahmad Hidayat Buang. (2016). *Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016*, 10 Mac 2016, Institute of Advanced Islamic Studies, Kuala Lumpur.
- Alias Azhar. (2001). *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian dari tahun 1985-1995*: Tesis Sarjana, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.
- Mohd Akram Dahaman@ Dahlan. (2005). *Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000*. Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.
- Arik Sanusi Yeop Johari. (2010). “Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan dari Aspek Perundangan”. *Monograf al-Ifta’*, Siri 1. Putra Jaya: JAKIM
- Ibn al-Salah, Abu Amru Uthman. (1992). *Adab al-Fatwa wa Syurut al-Mufti Sifat al-Mustafti wa Ahkamuhu*. Kaherah: Matba’ah al-Madani.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1997). *Fatawa Qardhawi. Permasalahan, Pemecahan dan Hikmah*. Terj. H Abdurrachman Ali Bauzir. Sungai Tua: Al-Baz Publishing.
- Al-Qāsimi, Jamaluddin. (1985). *al-Fatāwa fī al-Islām*. (Tahqiq Muhammad Abd al-Hakim al-Qādi). Beirut: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah,
- Wan Abd. Rahman Khudzri. (2006). *Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia: Kajian Di Beberapa Jabatan Mufti Yang DiPilih*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Daud Bakar. (1997). “Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam”. *Jurnal Syariah*, Jld. 5. Bil.1. hlm.1-14
- Mohd Aliff Mohd Nawi & Mohd Isa Hamzah, (2014) *Mobile fatwa (M-Fatwa): The integration of Islamic Fatwa Through Mobile Technology*, Turkish Online Journal of Distance Education, vol 15, pp 108-116.
- Mohamed Azam Mohamed Adil, (2014). “Penyelarasn Fatwa: Isu, Masalah dan Harapan”, *Jurnal Hukum, Rabiulakhir 1435H/Februari 2014*, pp. 1-16.
- Mehmood Ifzal, (2015). *Fatwa in Islamic Law. Institutional Comparison of Fatwa in Malaysia and Pakistan: The Relevance of Malaysian Fatwa Model for Legal System of Pakistan*, Arts and Social Sciences Journal.

- Muhammad Ikhlas Resele, Luqman Abdullah, Faizah Ismail & Mohd Anuar Ramli. (2013). "Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal". Jurnal Fiqh, No. 10 pp. 35-36.
- Othman Ishak. (1981). Fatwa Dalam Perundangan Islam. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Wan Zulkifli Wan Hassan, Jamari Alias, Nazri Muslim, Luqman Abdullah & Sidek Abdullah, (2014). Challenges in Fatwa Management in Terengganu, Malaysia, Mediterranean Journal of Social Sciences Vol 5, No 29.
- Siti Zalikha Md Nor. (2002). "Pembuatan dan Penulisan Fatwa di Malaysia" dlm. Siti Zaini Nasohah et al. (2012) Standardisation of fatwa in Malaysia: management and problems." *Advances in Natural and Applied Sciences* 6.6.
- Zalikha Md Nor et.al. (eds), Isu Syariah dan Undang-Undang, siri 10. Bangi: Jabatan Syariah , Fakulti Pengajian Islam , UKM.
- Zibari, Amir Sa'id. (1995). *Mabahith fi Ahkam al-Fatwa*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Zulkifli Mohamad. (2010). "Mufti: Fatwa Perseorangan dan Majlis". *Monograf al-Ifta'*. Siri 1. Putra Jaya: JAKIM .